

# SSMP Menyertai Pameran Produk Halal @ MUIS

Mohd. Nazri bin Abdul Rahman

Pada 15 – 18 Mei yang lalu, SSMP julung-julung kalinya dijemput oleh Urusetia Pameran sempena Majlis Tilawah Al-Quran 2012 Peringkat Negeri Sabah untuk menyertai Pameran Produk Halal bersama-sama 20 buah organisasi awam dan swasta yang lain termasuk usahawan dan industri kecil dan sederhana yang bertempat di Ruang Legar, Aras Bawah, Wisma MUIS, Kota Kinabalu, Sabah.

Sebanyak 20 organisasi terlibat iaitu Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, JAKIM Cawangan Sabah, JHEAINS, SSMP, Kementerian Dalam Negeri, Bank al-Rajhi, Jabatan Arkib Negeri Sabah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, SIRIM, Bank Muamalat, Lembaga Tabung Haji, Bank Islam, UMS Link, MARDI, MARA, Baitulmal Negeri Sabah, Hab Halal JAKIM Cyberjaya, Rabiatul Enterprise & KPWM Kg. Berundong serta Maahad Tahfiz Negeri Sabah.

Mengikut Urusetia Pameran, iaitu Ustaz Mohd. Fadhl bin Mohd. Yusof dan Ustaz Hamid bin Sabran dari JAKIM Cawangan Sabah, tujuan utama pameran produk halal ini diadakan adalah sebagai sebahagian daripada pengisian aktiviti tilawah Al-Quran di samping mempromosikan organisasi kerajaan dan swasta yang bergiat aktif dalam industri dan perkhidmatan halal serta berlandaskan syariah. Pada masa yang sama, pameran ini boleh menjadi platform dan media oleh orang awam untuk mendapatkan maklumat berkenaan program pembangunan ekonomi, program perusahaan industri halal, dan program pembangunan kewangan dan insurans Islam yang sesuai dan relevan.

Pameran produk halal ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Dato Seri Haji Nasir Tun Haji Sakaran, dan diiringi oleh Pengarah JHEAINS, Datuk



Haji Amri A. Suratman, dan Pengarah JAKIM Cawangan Sabah, Haji Ahmad Zaki bin Haji Arsyad. Di antara produk SSMP yang dipamerkan adalah poster-poster saintifik dan ilmiah yang melibatkan makanan halal dan pembangunan produk makanan, produk-produk makanan hasilan SSMP di samping mempromosikan Kursus Pengendalian Makanan serta Bengkel dan Latihan Halal kepada para pengunjung.

Para pengunjung ke tapak pameran juga disediakan dengan aktiviti kuiz spontan yang melibatkan organisasi yang mengambil bahagian dalam aktiviti pameran tersebut. Pengunjung yang berjaya menjawab dengan tepat dan terpantas diberikan hadiah tertentu mengikut ketetapan organisasi.

